

Alkitab untuk Anak-anak  
memperkenalkan

Allah  
Memberkati  
Yusuf,  
siHamba



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: M. Maillot; Lazarus

Disadur oleh: M. Maillot; Sarah S; Alastair P.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children

[www.M1914.org](http://www.M1914.org)

©2021 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.



Yusuf dipersalahkan dan diletakkan di dalam penjara oleh bekas ketuanya, Potifar. Di dalam penjara, Yusuf taat dan sering membantu.



Ketua penjara  
memberi  
kepercayaannya  
kepada Yusuf  
untuk  
mengatur  
segala hal  
penjara.



Kerana Allah menyertai Yusuf, penjara menjadi tempat yang lebih baik bagi semua penghuninya.



Tukang roti dan  
pengurus minuman  
diRaja berada di



dalam penjara.

"Mengapa kamu  
begitu sedih?" Yusuf  
bertanya kepada



mereka suatu  
hari.



"Tiada siapa yang boleh memberitahu kita apa makna mimpi-mimpi kita,"

jawab mereka.





"Allah boleh!" Yusuf berkata. "Ceritakan mimpi-mimpi mu."



"Mimpi kamu bermakna bahwa dalam tiga hari kamu akan kembali kepada Raja Firaun," Yusuf memberitahu pengurus mimunan.




"Ingat saya dan meminta Firaun untuk membebaskan saya." Mimpi tukang roti membawa berita buruk.



"Anda akan mati dalam masa tiga hari," kata Yusuf. Kedua-dua mimpi itu menjadi kenyataan.




Tetapi pengurus minuman lupa akan Yusuf sehingga



Firaun bangun dengan hati risau satu hari.




"Saya bermimpi" katanya  
berseru. Tiada seorang



pun daripada  
orang-orang  
bijaksananya  
dapat menafsirkan  
mimpinya.



Kemudian pengurus  
minuman teringat akan  
Yusuf di



dalam penjara.  
Dia memberitahu  
Firaun mengenainya.



Firaun terus memanggil Yusuf menghadapnya. "Mimpimu adalah satu pesanan daripada Tuhan," Yusuf memberitahu raja.





"Mesir akan melalui tujuh tahun kelimpahan, kemudian tujuh tahun kebuluran yang dahsyat."



"Rancang sekarang  
untuk menyimpan  
makanan dalam  
tujuh tahun  
yang baik,"  
Yusuf  
menasihati  
Firaun, ...



... "atau orang-orang anda akan mati dalam masa kebuluran nanti."

"Allah menyertai anda," Firaun berkata.



"Anda akan berkuasa di Mesir, orang kedua selepas saya."



Tujuh tahun kelimpahan datang. Kemudian diikuti oleh tujuh tahun kebuluran.



Makanan adalah terhad di mana-mana kecuali di Mesir di mana dengan kebijakannya, mereka telah menyimpan bekalan besar.



Di tanah air Yusuf, keluarga Yakub telah kelaparan.



Orang-orang dari semua negara pergi ke Mesir untuk membeli gandum.





"Anda perlu pergi juga," Yakub menyuruh anak-anaknya,


"atau kita akan mati kebuluran."




Tiba di Mesir, anak-anaknya bersedia untuk membeli makanan.



Anak-anak Yakub tunduk memberi hormat kepada tuan besar yang berkuasa di Mesir. Mereka tidak mengenali Yusuf, adik mereka.



Tetapi Yusuf mengenali mereka.  
Yusuf teringat mimpinya masa  
kecil. Allah telah  
meletakkannya lebih tinggi  
daripada abang-abangnya.



Yusuf sangat bijak. Dia bercakap kasar dan ambil Simeon abangnya sebagai orang tawanan.



"Ambil makanan, pulang ke rumah dan kembali dengan adik bongsu anda," perintahnya.



"Kemudian saya akan tahu  
yang kamu semua  
bukan pengintip."



Abang-abangnya menyangka  
bahawa Allah mungkin menghu-  
kum mereka kerana  
menjual Yusuf  
sebagai

hamba



beberapa tahun dulu.





Yakub dan anak-anaknya keliru.  
"Wang kami dikembalikan  
dalam bijirin. Dan  
pemerintah berkata kita  
mesti membawa  
Benyamin."



Yakub tidak akan membiarkan  
Benyamin pergi. Tetapi tidak  
lama kemudian makanan  
pun habis.



Abang-abangnya harus kembali ke Mesir. Benyamin pergi dengan mereka.



Apabila Yusuf melihat Benyamin dia memerintahkan hamba-hambanya menyediakan satu jamuan besar. Semua abangnya dijemput. "Adakah bapa anda masih hidup dan baik?"



Yusuf bertanya. Mungkin dia memikirkan bagaimana dia boleh membawa seluruh ahli keluarga bersama-sama.



Yusuf juga ingin tahu sama ada abang-abangnya benar-benar menyesal dengan dosa mereka

sebelum ini. Selepas jamuan dia menuduh mereka mencuri.



“Untuk menghukum  
anda, saya akan  
menahan  
Benyamin  
sebagai

hamba saya,”  
kata Yusuf.



"Tuanku, ambil hidup  
saya sebaliknya,"  
merayu Yehuda.  
Yusuf tahu  
bahawa

Yehuda, yang  
mencadangkan  
Yusuf dijual,  
telah benar-  
benar berubah.





Tidak lagi dapat menyembunyikan kasihnya kepada keluarganya, Yusuf menyuruh semua orang Mesir

keluar dari dewan itu.



Kemudian dia mulai  
menangis. "Saya  
Yusuf adik  
kamu, yang  
anda jual  
Ke Mesir."



Terkejut dan takut, semua  
abangnya  
tidak  
berkata  
apa-apa.



Yusuf  
memberi galakan  
kepada mereka.



"Allah menjadikan saya tuan  
di Mesir supaya

saya dapat  
menyelamatkan  
nyawa anda dalam  
kebuluran ini.



Pergi, bawa  
bapa saya. Saya  
akan menjaga  
anda."



Yakub dan Yusuf telah bersatu  
semula di Mesir

dan seluruh  
keluarga tinggal di  
sana dengan aman  
dan berkelimpahan.



Allah Memberkati Yusuf, siHamba  
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,  
terdapat dalam  
Kejadian 39-45

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu  
memberi terang, memberi pengertian  
kepada orang-orang bodoh."  
Mazmur 119:130





TAMAT



Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.



Jika anda percaya ini adalah benar,  
katakan ini kepada Allah:

Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi.

Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

